

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG  
[ ALOR GAJAH ]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan bilakah Kerajaan akan membina semula klinik kesihatan di Kampung Baru Machap Umboo untuk menggantikan bangunan klinik kesihatan yang dirobohkan dalam tahun 2003 kerana bangunan terlalu uzur dan membahayakan untuk memulihkan perkhidmatan rawatan kesihatan kepada rakyat sekitar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Klinik berkenaan merupakan Klinik Desa (KD) Machap Umboo yang dibina pada tahun 1975 dan telah beroperasi selama 38 tahun.

Pemeriksaan oleh Jabatan Kerja Raya pada 2 Julai 2013 menunjukkan bahawa ia tidak lagi selamat untuk diduduki. Sehubungan itu, pada tahun 2014 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka telah mengambil keputusan untuk merobohkan bangunan tersebut dan sedang mencari tanah yang sesuai untuk dijadikan tapak pembinaan klinik baru.

Sejak November 2013 sehingga kini, perkhidmatan Klinik Desa ini telah ditempatkan di Klinik Kesihatan (KK) Machap Baru. Di samping itu, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka sedang di dalam proses permohonan untuk penyewaan rumah kedai bagi memastikan perkhidmatan Klinik Desa tersebut dapat diteruskan kepada masyarakat setempat. Jumlah kedatangan harian di KK Machap Baru adalah seramai 70 hingga 90 pesakit manakala di KD Machap Umboo adalah 16 hingga 20 pesakit.

Memandangkan banyak taman baru yang telah dibuka di sekitar kawasan ini, pihak JKN Melaka menganggarkan populasi akan bertambah pada masa akan datang. Pihak JKN telah merancang pembinaan KK Jenis 7 menggantikan KD tersebut dan telah disenaraikan sebagai projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia seterusnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP  
[SEKIJANG]**

**SOALAN : 96**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah terkini yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan dalang nahas udara MH17 dibawa ke muka pengadilan selepas laporan akhir berkenaan nahas itu dibentangkan.

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Laporan yang dikeluarkan oleh *Dutch Safety Board* mengenai nahas pesawat MH17 adalah merupakan laporan siasatan teknikal yang bertujuan untuk mengenalpasti punca nahas tersebut. Laporan ini akan dijadikan rujukan lanjut bagi siasatan jenayah oleh *Joint Investigation Team* (JIT) dengan tujuan untuk menentukan pihak yang bertanggungjawab.

Buat masa ini, siasatan jenayah berhubung nahas pesawat MH17 masih dijalankan oleh JIT yang diterajui oleh Belanda dan dianggotai oleh Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine. Siasatan dijangka akan berterusan sehingga pertengahan tahun 2016. Dalam hubungan ini, usaha untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dalam nahas pesawat MH17 adalah bergantung kepada hasil siasatan jenayah tersebut.

Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam JIT sedang meneruskan perbincangan bagi 2 opsyen pendakwaan yang telah dikenal pasti iaitu pendakwaan di peringkat nasional oleh salah satu negara anggota JIT dan pendakwaan oleh suatu tribunal antarabangsa yang diwujudkan khas oleh negara anggota JIT.

Bagi maksud keputusan antara kedua-dua opsyen tersebut, hasil siasatan jenayah perlu diperolehi terlebih dahulu kerana ia akan menjelaskan tempat pemastautinan orang yang disyaki, kewarganegaraannya dan tempat terbaik untuk mereka dibicarakan.

Walau apa pun opsyen pendakwaan dan perbicaraan yang diputuskan kelak, keupayaan untuk memulakan pendakwaan terhadap mana-mana tertuduh adalah tertakluk kepada adanya keterangan yang mencukupi yang boleh diterima oleh mahkamah.